

# Pasaran produk koperasi ke China

**KUALA LUMPUR 11 April** - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) akan menjadikan daerah Lanzhou sebagai lokasi terbaik memasuki pasaran China dengan memperkenalkan produk-produk koperasi dari negara ini.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, beberapa produk tempatan yang dihasilkan oleh usahawan-usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) telah dikenal pasti, sekali gus memberi peluang kepada golongan tersebut memasarkan produk mereka ke peringkat global.

"Untuk permulaan ini, kita sasarkan produk makanan dan tekstil yang mendapat permintaan tinggi, merangkumi makanan sejuk beku, produk berdasarkan coklat, durian beku dan tilam dari getah asli bernilai RM2 juta.



**Untuk permulaan ini, kita sasarkan produk makanan dan tekstil yang mendapat permintaan tinggi merangkumi makanan sejuk beku, produk berdasarkan coklat, durian beku dan tilam dari getah asli bernilai RM2 juta.**

**ABDUL FATTAH ABDULLAH**  
**Presiden Angkasa**

tilam dari getah asli bernilai RM2 juta.

"Jumlah itu akan ditingkatkan

dari semasa ke semasa kerana kita mempunyai kelebihan dari aspek infrastruktur dan program pembangunan yang strategik. China ada potensi pasaran yang besar dan citarasa rakyatnya seperti makanan dan budaya hampir sama dengan citarasa rakyat kita, jadi ini memudahkan kerjasama," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima kunjungan rasmi Datuk Bandar Lanzhou, China, Niu Xiang Dong di pejabat Angkasa di sini hari ini.

Dalam pertemuan Angkasa dan Xiang Dong, mereka membincangkan tentang peluang-peluang bagi usahawan Malaysia untuk melebarkan sayap selama lima tahun ke Zon Perdagangan Bebas Daerah Lanzhou.

Jelas beliau, selain faktor pasaran yang luas, China juga menjadi

pilihan destinasi pelaburan kerana permintaan yang tinggi terhadap produk IKS yang dihasilkan dari negara ini, antaranya di Beijing dan Shanghai.

"Jadi kita berasaskan ini adalah peluang untuk usahawan-usahawan IKS tempatan meneroka pasaran China yang sangat luas, sekali gus melonjakkan perniagaan mereka," katanya.

Katanya, Angkasa juga merancang untuk membuka sebuah restoran Melayu di wilayah berkenaan sebagai usaha memperkenalkan makanan Melayu di daerah berkenaan.

"Kita kini dalam perbincangan akhir untuk mendapatkan premis bagi memulakan perniagaan yang akan dikendalikan oleh penduduk China sendiri, selain bertujuan memperkenalkan makanan halal di negara itu," katanya.